




JABATAN LAUT MALAYSIA  
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

# **GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)**

Oktober 2020

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020</b>

## 1. PENGENALAN

Perundangan yang termaktub untuk Sijil Kapal Boleh Tamat (TCR) di Malaysia adalah di bawah :

- a. Seksyen 58A, 58B dan 58C, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952); dan
- b. Peraturan Perkapalan Saudagar (Terminable Certificate Of Registry) 2005.

## 2. KEPERLUAN PEMATUHAN

Perundangan ini terpakai ke atas semua kapal yang tidak melebihi 150 GT (Tanan Kasar) atau panjang kapal tidak melebihi 24 meter sepertimana yang dinyatakan di bawah :

1. Peruntukan di bawah Bahagian IIA, OPS 1952, KECUALI
  - a. Subseksyen 16(2), dan Seksyen 20, 22, 26, 26A, 30, 31 dan 32; dan
  - b. Menuruti Seksyen 36, 37, 39, 41, 42, 47, 48, 49 dan 56, fi yang dinyatakan di Jadual Tiga Belas, OPS 1952;
2. Peruntukan di bawah Peraturan Perkapalan Saudagar (Terminable Certificate Of Registry) 2005.

## 3. RUJUKAN


Rujukan boleh dibuat kepada :

1. Seksyen 58A, 58B dan 58C, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (OPS 1952); dan
2. Peraturan Perkapalan Saudagar (Terminable Certificate Of Registry) 2005.

## 4. KELAYAKAN PEMILIKAN

Individu atau sekumpulan individu atau syarikat tidak boleh dianggap sebagai pemilik kapal melainkan dimiliki oleh individu atau sekumpulan individu atau syarikat dengan keterangan seperti berikut :

- a. Warganegara Malaysia; atau
- b. Syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan beralamat di Malaysia serta dimiliki oleh warganegara Malaysia.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020</b>

## 5. TEMPOH SAH LAKU TCR

Setiap TCR yang dikeluarkan hendaklah mempunyai tempoh sah laku tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh ia dikeluarkan.

## 6. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk TCR perlu dikemukakan kepada Pejabat Pendaftaran Sijil Kapal Boleh Tamat (Jabatan Laut Wilayah).

Sila layari laman web Jabatan Laut Malaysia : [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

*(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Sijil Kapal Boleh Tamat →Pelabuhan Pendaftaran Sijil Kapal Boleh Tamat)*

bagi direktori perhubungan Pejabat Pendaftaran TCR.

### **6.1 Jadual Fi**

Rujuk kepada Jadual Dua, Peraturan Perkapalan Saudagar (Terminable Certificate Of Registry) 2005 di [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

*(Prosedur →Perkapalan →Pendaftaran Sijil Kapal Boleh Tamat →Jadual Fi)*

### **6.2 Senarai Borang**


Borang TCR boleh dimuat turun di [www.marine.gov.my](http://www.marine.gov.my)

*(Perkhidmatan →Borang →Perkapalan →Pendaftaran Sijil Kapal Boleh Tamat)*

### **6.3 Permohonan Baharu**

Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Borang A.
- b. Sijil mengenai nama yang diluluskan.
- c. Borang kuasa untuk perlantikan ejen yang diberi kuasa.
- d. Memorandum dan Artikel Persatuan (salinan yang diakui sah).
- e. Akuan Pemunyaan.
- f. Perakuan Pemerbadanan.
- g. Sijil Pembina / Sijil Pembatalan.
- h. Sijil Pemeriksaan.
- i. Bil Jualan.
- j. Memorandum mengenai pendaftaran Pemunya Urusan.

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020</b>

- k. Permohonan untuk Kod Isyarat Antarabangsa (jika dikehendaki).
- l. Suatu pemerakuan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia bahawa cukai import telah dibayar atau dikecualikan (jika berkenaan).
- m. Suatu pemerakuan di bawah pemeterai perbadanan yang bermaksud bahawa sekurang-kurangnya tiga perlima daripada jumlah bilangan pengarah dalam perbadanan itu ialah warganegara Malaysia.
- n. Suatu pemerakuan di bawah pemeterai perbadanan yang bermaksud bahawa pegangan saham majoriti termasuk saham pengundian dalam perbadanan itu dipegang oleh warganegara Malaysia yang bebas daripada apa-apa amanah atau obligasi yang memihak kepada orang yang bukan warganegara Malaysia.

#### **6.4 Permohonan Pembaharuan**

Permohonan bagi memperbaharui TCR perlu dibuat dalam tempoh empat belas (14) hari sebelum TCR tamat tempoh.


Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Borang A.
- b. Fi.

#### **6.5 Permohonan Pertukaran Maklumat Pemilik / Pertukaran Hak Milik / Pindaan Kepada Hak Pemilikan**

Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Surat permohonan pertukaran maklumat pemilik / pertukaran hak milik / pindaan kepada hak pemilikan.
- b. Borang kuasa untuk perlantikan ejen yang diberi kuasa.
- c. Memorandum dan Artikel Persatuan (salinan yang diakui sah).
- d. Akuan Pemunyaan.
- e. Perakuan Pemerbadanan.
- f. Bil Jualan.
- g. Memorandum mengenai pendaftaran Pemunya Urusan.
- h. Suatu pemerakuan di bawah pemeterai perbadanan yang bermaksud bahawa sekurang-kurangnya tiga perlima daripada jumlah bilangan pengarah dalam perbadanan itu ialah warganegara Malaysia.
- i. Suatu pemerakuan di bawah pemeterai perbadanan yang bermaksud bahawa pegangan saham majoriti termasuk saham pengundian dalam perbadanan itu

	<b>JABATAN LAUT MALAYSIA</b>
	<b>GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)</b>
	<b>TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020</b>

dipegang oleh warganegara Malaysia yang bebas daripada apa-apa amanah atau obligasi yang memihak kepada orang yang bukan warganegara Malaysia.

- j. Sijil TCR asal.

#### **6.6 Permohonan Pertukaran Nakhoda**

Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Surat permohonan pertukaran nakhoda.
- b. Salinan sah Perakuan Kekompetenan Nakhoda (COC) / Perakuan Pengiktirafan (COR).
- c. Salinan sah Kad Pelaut Nakhoda.
- d. Salinan sah Perjanjian Pengambilan Pelaut.
- e. Salinan sah Perjanjian Anak Kapal.
- f. Sijil TCR asal.

#### **6.7 Permohonan Pertukaran Butiran Kapal**

Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Surat permohonan pertukaran butiran kapal.
- b. Sijil Pemeriksaan.
- c. Sijil TCR asal.

#### **6.8 Permohonan Pembatalan TCR**

Sila sertakan dokumen yang berikut :

- a. Surat permohonan pembatalan TCR.
- b. Borang kuasa untuk perlantikan ejen yang diberi kuasa.
- c. Bil Jualan – jika melibatkan urusan jual beli.
- d. Discharged of Mortgage bersama dengan surat dari bank (Morgagor) atau institusi kewangan yang berlesen (jika ada gadaian).
- e. Sijil TCR asal.

#### **6.9 Piagam Pelanggan**

Memproses dan mengeluarkan TCR dalam tempoh 3 hari bekerja iaitu selepas mendapat pengesahan/kelulusan laporan pemeriksaan beserta dokumen sokongan yang lengkap.




**JABATAN LAUT MALAYSIA**

**GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI PENDAFTARAN SIJIL KAPAL BOLEH TAMAT (TCR)**

**TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020**

**6.10 Carta Alir Permohonan**



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik kapal untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam borang permohonan adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses pengeluaran TCR.